



Selasa, 3 Mei 2016

1. Jumlah asset pelaburan KWSP meningkat kepada RM684.53 bilion

KUALA LUMPUR 3 Mei - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mencatat kenaikan 7.54 peratus jumlah aset pelaburan pada 2015, meningkat kepada RM684.53 bilion berbanding RM636.53 pada tahun sebelumnya.

Hasil kenaikan itu, KWSP menutup tahun 2015 dengan pendapatan pelaburan kasar yang berjumlah RM44.23 bilion dengan pulangan pelaburan (ROI) sebanyak 7.48 peratus, meningkat 23 mata asas berbanding 2014.

Pada masa yang sama, KWSP turut mencatat peningkatan 4.91 peratus caruman tahunan pada tahun 2015 menjadi RM59.98 bilion berbanding jumlah pengeluaran RM44.25 bilion untuk tahun kewangan yang sama.

Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Datuk Shahril Ridza Ridzuan ketika membentangkan laporan tahunan KWSP berkata, peningkatan kadar caruman itu menyumbang kepada RM15.73 bilion aliran masuk bersih.

"Tahun 2015 merupakan tahun yang dibelenggu isu cabaran ekonomi dan pasaran di peringkat global, namun program pemelbaagaian pelaburan jangka panjang yang baik membantu kami mengurangkan impak cabaran ekonomi," katanya ketika membentangkan laporan tahunan KWSP kepada media di sini hari ini. - UTUSAN ONLINE



Rabu, 4 Mei 2016

2. Pantau ketirisan, penyelewangan

Wujud jawatkuasa tertinggi pengurusan dalam KBS - Khairy

KUALA LUMPUR 3 Mei - Kerajaan dicadangkan supaya menujuhkan Jawatankuasa Tertinggi Pengurusan Kewangan di Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang dipengerusikan oleh menteri sendiri bagi memantau kes ketirisan dan penyelewengan.

Menterinya, Khairy Jamaluddin berkata, jawatankuasa itu penting bagi memantau urusan kewangan kementerian dan beliau mencadangkan agar ia dimulakan dengan KBS terlebih dahulu.

Katanya, jawatankuasa tersebut diyakini dapat memastikan perbelanjaan yang dijalankan kementerian berkesan.

"Jawatankuasa ini bukan sahaja memantau perbelanjaan kementerian, sebaliknya turut mengawasi perbelanjaan agensi-agensi di bawah kementerian.

"Di bawah jawatankuasa ini, mesyuarat boleh dijalankan sebanyak dua kali setahun. Mesti ada perubahan dibuat," katanya bagi menjawab soalan tambahan **Senator Datuk Mohd. Salim Sharif** di Dewan Negara hari ini.

Mohd. Salim mempersoalkan peranan audit dalaman KBS yang sepatutnya menjadi mata dan telinga kementerian.

Tambah Khairy, jawatankuasa baharu ini akan mewujudkan prosedur operasi standard baharu supaya kementerian dapat dipantau oleh menteri sendiri.

"Jelas nyata di sini bahawa penyelewengan peruntukan kerajaan kepada kementerian berlaku di peringkat pegawai-pegawai. Jadi dengan adanya jawatankuasa ini dapat membantu mengawasi perbelanjaan kementerian supaya tidak berlaku ketirisan," ujarnya.

Bagi menjawab pertanyaan lisan **Senator Shahanim Mohamad Yusoff** mengenai kelemahan prosedur dan proses kewangan di KBS yang masih berlaku, Khairy berkata, pegawai yang dituduh melakukan penyelewengan RM38.4 juta sudah dihadap ke mahkamah.

Malah, katanya, KBS dan agensi-agensi di bawahnya juga akan memberi sepenuh kerjasama kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).



Isnin, 9 Mei 2016

3. 1MDB mula proses rundingan dan capaian dengan pemegang bon Dolar AS

KUALA LUMPUR 9 Mei - 1Malaysia Development Bhd (1MDB) memulakan proses rundingan dengan pemegang bonnya yang menggunakan mata wang dolar AS susulan keingkaran ke atas nota US\$1.75 billion dengan kadar tetap 5.75 peratus yang matang pada 2022 dan diterbitkan oleh 1MDB Energy (Langat) Ltd (Nota Langat).

Dalam kenyataan di sini hari ini, 1MDB berkata, ia telah melantik Alvarez (amp) Marsal Asia Ltd (A (amp) M) sebagai penasihat kewangannya untuk menyelia dan menguruskan proses tersebut.

1MDB turut melantik D.F. King Ltd, 'Orient Capital Company' (D.F. King), atau "Ejen Pengenalan dan Maklumat", untuk terus melaksanakan proses pendaftaran dan pengenalan pemegang bon.

"1MDB kini aktif berunding dengan semua pemegang untuk menggariskan langkah-langkah seterusnya untuk proses itu, menjelaskan latar belakang pertikaian tersebut, dan menerangkan sebab 1MDB mengambil pendirian untuk tidak membuat bayaran faedah ke atas Nota Langat," katanya.

Ia menegaskan bahawa syarikat mempunyai pelan rasionalisasi yang membolehkan syarikat memenuhi obligasi hutang sedia ada.

1MDB juga hari ini meminta D.F. King untuk melancarkan laman mikro di <http://sites.dfkingltd.com/1MDB>, yang mengandungi semua maklumat berkaitan dan termasuk kemas kini untuk pemegang bon.

Selepas mendaftar, mereka boleh mengemukakan soalan secara dalam talian melalui laman web itu.

Pertemuan bagi semua pemegang bon yang menggunakan mata wang dolar AS akan diadakan pada 23 Mei, dan maklumat lanjut akan menyusul, katanya.

1MDB berkata ia komited untuk bekerjasama secara terbuka dengan International Petroleum Investment Company (IPIC) bagi menyelesaikan pertikaian tersebut. - BERNAMA



Isnin, 9 Mei 2016

4. Tumpu program pembangunan rakyat-PM

PUTRAJAYA 9 Mei - Datuk Seri Najib Tun Razak mahu penjawat awam memberi tumpuan sepenuhnya kepada pelaksanaan program pembangunan untuk rakyat khususnya janji-janji yang telah dibuat sebelum ini memandangkan tempoh untuk Pilihan Raya Umum ke-14 tidak lama lagi.

Perdana Menteri berkata, dalam hubungan ini, kerjasama Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri amat penting bagi melaksanakan tanggungjawab menunaikan hasrat rakyat.

Beliau yakin semua pihak dapat memberikan komitmen kerana katanya, kemenangan Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Negeri Ke-11 (PRN-11) Sarawak pada Sabtu lalu jelas menunjukkan ia adalah hasil sokongan rakyat kepada kerajaan dan kerja keras penjawat awam dalam melaksanakan tugas mereka.

"Saya selalu sebut kita mesti dengar denyut nadi rakyat dan perlu sematkan dalam hati apabila buat keputusan apakah harapan sebenar rakyat.

"Justeru, jangan lupa tanggungjawab kita kerana kita hanya ada masa yang pendek (sebelum pilihan raya umum)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini. -UTUSAN ONLINE



Selasa, 10 Mei 2016

5. GST: Kerajaan kutip hasil RM27.31 bilion

Meningkat 88.34 peratus berbanding pelaksanaan SST dahulu

KANGAR 10 Mei - Cukai barang dan perkhidmatan (GST) yang berkuat kuasa 1 April tahun lalu bagi mengantikan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) telah membawa hasil kutipan sebanyak RM27.31 bilion kepada kerajaan sehingga 8 Mei lalu.

Jumlah itu menunjukkan peningkatan pendapatan sebanyak 88.34 peratus atau RM12.81 bilion berbanding semasa pelaksanaan SST pada tahun sebelumnya.

Secara keseluruhannya, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berjaya mengutip cukai sebanyak RM51.15 bilion pada tahun lepas.

Ketua Pengarah Kastam, Datuk Seri Khazali Ahmad yang menyifatkan pelaksanaan GST itu sebagai berjaya berkata, ia adalah hasil kerjasama erat antara kesemua agensi kerajaan yang terlibat.

Katanya, kerjasama itu akan diteruskan untuk mencapai sasaran kutipan GST yang ditetapkan pada tahun ini iaitu RM39 bilion.

"Kastam berpuas hati dengan kerjasama pihak peniaga dengan pendaftaran sebanyak 409,000 syarikat manakala rakyat pula sudah mula memahami tentang GST.

"Kita yakin masih banyak peniaga yang memenuhi syarat seperti hasil perniagaan melebihi RM1,400 sehari tetapi belum mendaftar GST.

"Ingin saya tegaskan bahawa tiada peniaga yang 'gulung tikar' ekoran pelaksanaan GST kerana sistem cukai itu tidak akan meningkatkan kos," katanya dalam sidang akbar sempena Mesyuarat Pengarah-pengarah Kastam Kali Ke-79 di Hotel Putra Regency di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan dan Pematuhan), Datuk Matrang Suhaili.

Dalam pada itu, Khazali menyeru seluruh masyarakat agar menyertai peraduan Jom Minta Resit GST yang dilancarkan agensi terbabit baru-baru ini.

"Ini bertujuan menggalakkan masyarakat memahami hak mereka sebagai pembeli ketika berbelanja.

"Kita tidak mahu lagi timbul isu peniaga memberi pilihan harga belian kepada pembeli iaitu dengan atau tanpa resit.

"Hadiah-hadiah menarik menanti peserta dan cabutan pertama akan dilakukan pada Jun ini," katanya lagi.



Selasa, 17 Mei 2016

6. Pemindahan aset 1MDB kepada MKD berjalan lancar

KUALA LUMPUR 17 Mei - Pemindahan aset 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) kepada Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) berjalan lancar dan akan selesai menjelang akhir Mei, kata Timbalan Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani hari ini.

Proses itu kini di peringkat akhir dan tidak akan menjadi eksesais yang rumit kerana 1MDB dimiliki sepenuhnya oleh MKD, katanya.

"Lembaga pengarah juga telah meletakkan jawatan mereka," katanya kepada pemberita selepas pelancaran Akademi Pengarah Malaysia (MINDA) 2.0 di sini.

Langkah itu adalah sebahagian cadangan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), yang dalam laporan 106 muka suratnya berkata, pemindahan aset dan anak syarikat 1MDB ke MKD akan membolehkan siasatan lebih rapi terhadap syarikat berkenaan.

MKD sebelum ini telah berkata, ia akan melantik ahli lembaga pengarah baharu untuk mencerminkan profil perniagaan yang terhad 1MDB.

"Kami faham yang tidak ada aktiviti akan dijalankan 1MDB (selepas selesainya eksesais itu). Oleh itu akan melihat kepada semua butiran terbabit dan kami akan mempunyai lembaga pengarah sementara dan ia boleh datang daripada orang MKD," tambahnya. - BERNAMA

Rabu, 18 Mei 2016

7. Prestasi pengurusan kewangan agensi tahun 2015 lebih baik - Ketua Audit Negara

KUALA LUMPUR 18 Mei - Prestasi pengurusan kewangan agensi bagi tahun 2015 adalah lebih baik dengan 180 kementerian, jabatan dan agensi mendapat penarafan cemerlang lima bintang berbanding 114 pada 2014.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang berkata, pencapaian yang ketara ini menunjukkan pelaksanaan Indeks Akauntabiliti telah memberi dorongan kepada pegawai pengawal untuk mengambil tindakan penambahbaikan terhadap pengurusan kewangan.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan berhubung tiga laporan Ketua Audit Negara yang dibentangkan di Parlimen hari ini setelah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Laporan-laporan itu ialah Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2015; Pengurusan Kewangan Tahun 2015 Bagi Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri; dan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 1 Mengenai Aktiviti Bagi Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri.

Ambrin berkata, bagi Siri 1, sebanyak 70 pengauditan prestasi dan 18 pengauditan pengurusan syarikat kerajaan telah dilaksanakan di peringkat Persekutuan dan negeri.

Pengauditan yang dilaksanakan merangkumi bidang program, pembinaan, penyenggaraan, perolehan, pengurusan, hasil dan pengurusan syarikat, katanya.

Menyentuh mengenai prestasi kutipan hasil Kerajaan Persekutuan, secara keseluruhannya pada 2015, ia berkurangan sebanyak RM1.537 bilion (0.7 peratus) berbanding tahun 2014.

Kutipan cukai pendapatan individu pula menunjukkan peningkatan sejumlah RM1.899 bilion dan kutipan Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST) mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu RM27 bilion.

Bagaimanapun, pengurangan hasil cukai pendapatan petroleum, cukai pendapatan syarikat dan royalti petroleum, masing-masing sebanyak RM15.397 bilion, RM1.560 bilion dan RM1.389 bilion telah menyumbang kepada pengurangan hasil Kerajaan Persekutuan pada 2015.

Menurut Ambrin, kandungan dan sinopsis ketiga-tiga laporan ini boleh dilayari di Laman Web Jabatan Audit Negara di <http://www.audit.gov.my> mulai hari ini dan sebarang pertanyaan lanjut boleh dialamatkan kepada Warkah Untuk Ketua Audit Negara.

Selain itu, satu sesi townhall bersama media mengenai laporan itu akan diadakan pada 24 Mei di Putrajaya yang akan dihadiri oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa dan Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian. - BERNAMA

Rabu, 18 Mei 2016

8. Klasifikasi laporan audit 1MDB: Hanya kerajaan boleh putuskan

KUALA LUMPUR 18 Mei - Hanya kerajaan yang boleh memutuskan sama ada Laporan Audit 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) yang diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 (OSA), perlu diubah status kerahsiaannya atau tidak.

Ketika menegaskannya hari ini, Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Datuk Hasan Arifin berkata, laporan audit berkenaan adalah berbeza dengan Laporan Audit Negara yang dikeluarkan setiap tahun serta perlu dibentangkan di Parlimen.

Jelasnya, Laporan Audit 1MDB sebaliknya hanya perlu dibentangkan kepada PAC selepas proses perumusan berkaitan itu selesai.

"Kabinet minta Jabatan Audit Negara untuk membuat laporan (1MDB) dan kemudian dibentangkan kepada PAC. Soal sama ada bila ia nak diklasifikasikan, terpulanglah kepada kerajaan untuk menentukannya," katanya pada sidang media di Parlimen, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas gesaan segelintir pihak yang mahukan status kerahsiaan Laporan Audit 1MDB di bawah OSA itu dibatalkan.

Sebelum ini, Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang berkata, laporan audit berkenaan masih diklasifikasikan mengikut OSA sekalipun selepas pembentangan laporan siasatan PAC mengenai syarikat pelaburan strategik berkenaan.

Mengulas lanjut, Hasan yang memetik laporan terdahulu menjelaskan, apa juga maklumat yang diterima pada saat-saat akhir untuk Laporan Audit 1MDB yang bersifat sulit, rahsia serta berstatus risikan dan bukan untuk laporan awam, maka ia tidak perlu dimasukkan ke dalam laporan PAC. - BERNAMA

Rabu, 18 Mei 2016

9. Projek Jiwa Murni ATM di Sarawak beri manfaat kepada penduduk - Laporan audit

KUALA LUMPUR 18 Mei - Pengurusan Projek Jiwa Murni (PJM) yang dilaksanakan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Sarawak memuaskan dan memberi manfaat kepada orang ramai kerana menyediakan kemudahan jalan darat menghubungkan kawasan pedalaman serta memendekkan masa perjalanan.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara 2015, projek yang dilaksanakan melalui Rejimen Askar Jurutera DiRaja (RAJD) secara usahasama dengan syarikat yang dilantik kerajaan itu melibatkan enam projek membina dan menaik taraf jalan; satu projek pembaikan cerun; tiga projek membina jambatan dan satu projek membina rumah panjang di kawasan pedalaman sejak 2009.

"Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2015, ATM telah melaksanakan 11 PJM di Negeri Sarawak melibatkan kos kontrak berjumlah RM253.98 juta," demikian menurut laporan itu yang dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini.

Menurut laporan itu, sembilan projek berjaya disiapkan mengikut tempoh kontrak asal manakala dua projek iaitu menaik taraf jalan balak dari Long Lopeng ke Ba'kelalan dan menaik taraf jalan dari Miri ke Marudi disiapkan antara satu hingga dua lanjutan masa (EOT) melibatkan tempoh enam hingga 11 bulan.

"Setakat 30 Jun 2015, sejumlah 100 buah rumah panjang dan kampung dengan jumlah penduduk 88,100 orang telah menikmati kemudahan perhubungan daripada PJM di negeri Sarawak," menurut laporan itu.

Bagaimanapun, lawatan audit mendapati kualiti kerja kurang memuaskan dan ada jalan yang tidak dibina bahu jalan serta longkang mengikut standard jalan Jabatan Kerja Raya (JKR) disebabkan peruntukan tidak mencukupi.

Pada pendapat Jabatan Audit, kerja penyelenggaraan yang kurang memuaskan menyebabkan kerosakan pada permukaan jalan dan bahu jalan serta mengundang bahaya kepada pengguna selain kerajaan akan menanggung kos penyelenggaraan PJM di Sarawak yang tinggi untuk kerja pembaikan di masa depan.

Laporan itu turut menjelaskan antara kelemahan yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian Pertahanan termasuk dari segi penyelenggaraan jalan kurang memuaskan seperti garisan jalan pudar, rumput di bahu jalan dan tumbuhan liar tidak dipotong.

Menurut laporan audit itu, kelemahan perlu dinilai dari segi kualiti kerja kurang memuaskan seperti bahu jalan dan longkang tidak dibina, permukaan jalan berlubang, tidak rata dan becak di beberapa

bahagian di jalan dari Pekan Belaga ke Mejawah, jalan Belaga dari Long Lopeng ke Ba'kelalan, Lawas dan jalan dari Miri ke Marudi.

Antara kelemahan lain ialah dari aspek keselamatan jalan kurang memuaskan seperti gradien jalan tinggi, curam dan jalan berselekoh; cerun di tepi jalan tidak dilindungi dengan rumput dan perabot jalan tidak diselenggara dengan baik di beberapa bahagian di jalan dari Pekan Belaga ke Mejawah dan jalan dari Long Lopeng ke Ba'kelalan, Lawas. - BERNAMA



Khamis, 19 Mei 2016

10. Kasut getah JPAM tidak ikut spesifikasi

KUALA LUMPUR 18 Mei - Perolehan bekalan peralatan yang tidak memenuhi spesifikasi telah menyebabkan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) mengalami kerugian sebanyak RM840,000, Laporan Ketua Audit Negara 2015, Siri 1 mendedahkan.

Menurut laporan yang dikeluarkan hari ini, tiga jenis peralatan yang dibekalkan kepada JPAM itu ialah 1,010 pasang kasut getah dengan nilai RM68,680 melalui sebut harga, lapan jet ski (RM400,000) dan 64 papan luncur bernilai RM371,200.

Berdasarkan spesifikasi, kasut yang dibekalkan mestilah berwarna oren dan perkataan HAK KERAJAAN MALAYSIA bersaiz kecil dicetak di sebelah tepi bahagian atas dalam kasut berkenaan.

Bagaimanapun, kasut yang dibekalkan adalah berwarna kuning dan bukannya berwarna oren serta tidak dicetak dengan perkataan HAK KERAJAAN MALAYSIA.

"Kasut getah berwarna oren memerlukan tempahan khas selaras dengan warna korporat JPAM manakala kasut getah berwarna kuning merupakan barang sedia ada di pasaran," kata laporan itu.

Menurut laporan itu, JPAM seharusnya mengambil tindakan menolak pembekalan yang tidak menepati spesifikasi yang telah ditetapkan dan menuntut semula perbezaan harga yang telah dibayar dengan harga sebenar kasut getah yang dibekalkan.

Semakan juga mendapati papan luncur dan jet ski yang dibekalkan tidak mengikut spesifikasi dari segi warna yang telah ditetapkan iaitu berwarna oren JPAM.

Proses pengauditan yang dijalankan ke atas JPAM dari Jun hingga September 2015 juga mendapati pengurusan perolehan bekalan dan perkhidmatan JPAM adalah kurang memuaskan termasuk berlaku pecahan kecil dalam pengurusan perolehan bernilai RM5.80 juta.

Kata laporan itu , kelewatan menandatangani kontrak antara 93 hingga 554 hari dan kelewatan mengemukakan bon pelaksanaan antara 4 hingga 70 hari telah mengakibatkan kerugian bernilai RM0.65 juta.

"Selain itu, peralatan antaranya seperti bot boleh kembung 12', commander signal baton, topi keselamatan, set generator, pakaian kalis api, alat pernafasan dan papan luncur yang dibeli melebihi 250 hari tidak digunakan dan tidak diujilari," kata laporan itu.

Ia juga mendapati peralatan yang diagih oleh ibu pejabat JPAM dan Pejabat Negeri JPAM (PNPA) tidak bersamaan dengan rekod terimaan di PNPA dan Pejabat Daerah JPAM. - BERNAMA



Khamis, 19 Mei 2016

11. Pengurusan Kewangan lebih baik Ketua Audit Negara

KUALA LUMPUR 18 Mei - Prestasi pengurusan kewangan agensi bagi 2015 adalah lebih baik dengan 180 kementerian, jabatan dan agensi mendapat penarafan cemerlang lima bintang berbanding 114 pada 2014.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang berkata, pencapaian yang ketara ini menunjukkan pelaksanaan Indeks Akauntabiliti telah memberi dorongan kepada pegawai pengawal untuk mengambil tindakan penambahbaikan terhadap pengurusan kewangan.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan berhubung tiga laporan Ketua Audit Negara yang dibentangkan di Parlimen hari ini setelah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Laporan-laporan itu ialah Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2015; Pengurusan Kewangan Tahun 2015 Bagi Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri; dan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 1 Mengenai Aktiviti Bagi Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri.

Ambrin berkata, bagi Siri 1, sebanyak 70 pengauditan prestasi dan 18 pengauditan pengurusan syarikat kerajaan telah dilaksanakan di peringkat Persekutuan dan negeri.

Pengauditan yang dilaksanakan merangkumi bidang program, pembinaan, penyenggaraan, perolehan, pengurusan, hasil dan pengurusan syarikat, katanya.

Menyentuh mengenai prestasi kutipan hasil Kerajaan Persekutuan, secara keseluruhannya pada 2015, ia berkurangan sebanyak RM1.537 bilion (0.7 peratus) berbanding tahun 2014.

Kutipan cukai pendapatan individu pula menunjukkan peningkatan sejumlah RM1.899 bilion dan kutipan Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST) mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu RM27 bilion.

Bagaimanapun, pengurangan hasil cukai pendapatan petroleum, cukai pendapatan syarikat dan royalti petroleum, masing-masing sebanyak RM15.397 bilion, RM1.560 bilion dan RM1.389 bilion telah menyumbang kepada pengurangan hasil Kerajaan Persekutuan pada 2015.

Menurut Ambrin, kandungan dan sinopsis ketiga-tiga laporan ini boleh dilayari di Laman Web Jabatan Audit Negara di <http://www.audit.gov.my> mulai hari ini dan sebarang pertanyaan lanjut boleh dialamatkan kepada Warkah Untuk Ketua Audit Negara.

Selain itu, satu sesi townhall bersama media mengenai laporan itu akan diadakan pada 24 Mei di Putrajaya yang akan dihadiri oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa dan Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian. - BERNAMA



Jumaat, 20 Mei 2016

12. Aset milik TUDM diaudit menyeluruh

KUALA LUMPUR 19 Mei - Kementerian Pertahanan bakal melaksanakan audit menyeluruh terhadap aset milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) bagi memastikan kesemuanya berada dalam keadaan baik.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, proses audit tersebut akan menggunakan khidmat pihak ketiga dan diharap dapat membantu mengelak daripada sebarang kejadian tidak diingini.

"Kita mengambil maklum kejadian-kejadian yang membabitkan pesawat milik TUDM dan sebab itu kita kena teliti rekod penyelenggaraan dan latihan berterusan juruterbang.

"Saya juga telah memaklumkan perkara ini kepada Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Roslan Saad dan hal ini selaras dengan hala tuju kementerian," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kejadian pesawat terhempas yang membabitkan aset TUDM.

Kejadian terbaru berlaku kelmarin membabitkan sebuah pesawat latihan lanjut dan penyerang ringan milik TUDM Aermacchi MB339CM yang terhempas di Kampung Serun, Nenasi, Pekan, Pahang.

Menurut Hishammuddin, laporan siasatan mengenai kejadian pesawat yang terhempas itu akan diperoleh dalam masa terdekat.

"Saya belum terima laporan siasatan berkenaan dan daripada maklumat awal, kejadian tersebut berlaku disebabkan masalah teknikal.

"Sehingga kini pesawat berkenaan masih digunakan untuk latihan," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, Kementerian Pertahanan juga telah mengenal pasti lokasi sesuai di kawasan pesisir pantai Sarawak untuk pembinaan sebuah pangkalan udara khas bagi mengukuhkan tahap keselamatan di negeri itu.

"Perkara ini akan diumumkan apabila semua perbincangan telah selesai kerana ia melibatkan banyak pihak.

"Kita sedia maju ke depan tetapi bergantung pada kemampuan, soal diplomasi dan hubungan dua hala antara negara," jelasnya.



Jumaat, 20 Mei 2016

13.35 peratus kakitangan awam obes

KOTA BHARU 19 Mei - Kajian Morbiditi dan Kesihatan Kebangsaan (NHMS) 2015 menunjukkan 35 peratus daripada kira-kira 1.6 juta kakitangan awam di negara ini mengalami obesiti, lebih tinggi daripada kadar nasional iaitu 17.7 peratus.

Sehubungan itu Pengarah Institut Kesihatan Umum (IKU) Kementerian Kesihatan, Dr. Tahir Aris menyarankan semua agensi dan jabatan kerajaan menyediakan kelengkapan senaman serta membenarkan kakitangan awam bersenam semasa waktu pejabat sebagai menggalakkan cara hidup sihat.

Beliau berkata, senaman 30 minit sebanyak tiga kali seminggu adalah salah satu cara menjamin kesihatan jantung manakala untuk kurus pula seorang individu harus bersenam sejam setiap hari.

"Dulu pejabat kerajaan menggalakkan kakitangan bersenam dan aktiviti gotong royong semasa hari bekerja separuh hari, tetapi selepas itu keluar pekeliling kakitangan tidak dibenarkan guna waktu pejabat untuk bersenam.

"Kita minta sektor perkhidmatan awam beri kebenaran untuk satu petang dalam setiap minggu bagi kakitangan menjalankan aktiviti senaman. Sediakan kemudahan untuk mereka dan kita harap perkara sama akan diikuti pihak swasta," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis penutup Karnival My Body is Fit and Fabulous (MyBFF)@Work di Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia (USM) di sini hari ini. Program

tersebut dirasmikan oleh Timbalan Dekan Penyelidikan dan Siswazah, Pusat Pengajian Sains Kesihatan (PPSK) USM, Prof. Madya Dr. Lim Boon Huat.

Tahir memberitahu, program MyBFF adalah program intervensi penurunan berat badan dan gaya hidup sihat di bawah geran pembiayaan IKU.



Jumaat, 20 Mei 2016

14. Rasuah di sebalik pembangunan?

Gagal senggara perparitan, saliran punca banjir kilat

KUALA LUMPUR 19 Mei - Sistem perparitan dan saliran yang tidak efisien selain pe-rangkap keladak di tapak projek pembinaan tidak diselenggara dikenalpasti punca banjir kilat di ibu kota baru-baru ini.

Jika benar dakwaan tersebut apakah langkah proaktif diambil pihak berwajib bagi mengatasi masalah itu secara tuntas.

Tinjauan Utusan Malaysia ke beberapa lokasi yang dinaiki air minggu lalu mendapati kerja-kerja naik taraf saliran dan perparitan di kawasan banjir giat dilaksanakan kontraktor Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Namun dalam masa sama pemaju projek-projek mega sekitar lokasi seolah-olah tidak mengambil sebarang iktibar kejadian tersebut.

Sebaliknya kerja-kerja pembangunan di tapak projek rancak dijalankan.

Berdasarkan perhatian Skuad Terjah di lokasi terlibat banjir kilat baru-baru ini hampir 90 peratus terletak berhampiran dengan projek-projek pembangunan sama ada berskala besar atau sederhana.

Keadaan sistem perparitan dan saliran di kawasan tapak projek juga dilihat tidak disenggara dengan sempurna.

Pemaju projek di sekitar ibu negara juga didapati gagal mematuhi garisan panduan ditetapkan pihak berkuasa tempatan termasuk memasang perangkap keladak di tapak projek.

Disebabkan sistem saliran tersebut tidak disenggara dengan baik mengakibatkan air melimpah keluar sehingga beberapa lokasi bukan hot spot banjir kilat menjadi mangsa.

Sebagai contoh di hadapan pintu masuk Universiti Malaya (UM), Jalan Lingkungan Budi dan berhadapan Duta Vista, Jalan Sultan Abdul Halim menghala ke Damansara.

Difahamkan, walaupun projek pembangunan agak jauh daripada kedua-dua kawasan itu, struktur tanah rendah mempercepatkan air mengalir ke kawasan itu.

Walaupun alasan taburan hujan yang tinggi daripada biasa menjadi punca banjir kilat Jumaat lalu, siasatan perlu dilakukan terhadap projek pembangunan di ibu negara .

Ini bagi mengesan kemungkinan wujud unsur rasuah oleh agensi pelaksana sehingga menyebabkan banjir kilat.

Janganlah kerana mahu mengaut keuntungan semata-mata, nyawa dan harta benda orang awam tergadai.



Jumaat, 20 Mei 2016

15. Jabatan Imigresen perlu perbaiki SOP - EAIC

KUALA LUMPUR 19 Mei - Jabatan Imigresen perlu membuat penambahbaikan prosedur operasi standard (SOP) supaya lebih komprehensif terutamanya di pintu-pintu masuk negara dalam kadar segera.

Pengerusi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC), Datuk Yaacob Md. Sam berkata, kegagalan tersebut boleh menyebabkan berlakunya penyusupan di pintu masuk utama negara yang menjadi satu ancaman keselamatan kepada rakyat Malaysia.

"Secara umum, kesemua 21 agensi kerajaan mempunyai SOP tersendiri mengenai mengawal, menyelia, penguatkuasaan dan operasi, tetapi persoalannya apakah semua pegawai terutamanya yang berada di lapangan di pintu-pintu masuk negara mengetahui sepenuhnya serta mematuhi kehendak SOP itu.

"Dengan ketiadaan pengawasan pegawai terhadap mereka yang melakukan kerja-kerja di kaunter utama, menyebabkan mudahnya pendatang serta anasir-anasir jahat membolosi sempadan negara dan impak itu mungkin tidak dilihat mereka (pegawai imigresen)," katanya dalam sidang akhbar selepas mengadakan kunjungan muhibah ke Institut Integriti Malaysia (Integriti), di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Yaacob berkata, pegawai imigresen memainkan peranan penting dalam menjaga 132 laluan utama di sempadan negara kerana kebocoran itu bukan sahaja menjelaskan sosial ekonomi negara bahkan boleh menghancurkan Malaysia.

Sabtu, 21 Mei 2016

16. Laporan audit bukti PKR Selangor tidak peduli bumiputera

SHAH ALAM 20 Mei - "Kuota bumiputera telah habis dijual," itulah kata-kata yang sering dijadikan alasan oleh pemaju kepada pembeli bumiputera.

Semua ini dipercayai dilakukan bagi mengelak pemberian diskau tujuh peratus dan dengan tujuan menjualkan kuota itu kepada bukan bumiputera.

Lebih malang lagi, meskipun kuota bumiputera sebanyak 30 peratus yang disyaratkan kepada pemaju dilaksanakan, peraturan itu tidak diendahkan oleh pemaju dan tidak ada pula tindakan yang diambil oleh kerajaan PKR Selangor.

Perkara ini didebakkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2015 Siri 1 yang menyatakan pelan tindakan tadbir urus serta mengawal selia perumahan kuota bumiputera Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) tidak dilaksanakan dan kerajaan PKR Selangor tidak mempedulikan bumiputera.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang, Datuk Sulaiman Abdul Razak berkata, beliau sering mendapat aduan daripada orang ramai tentang tindakan sesetengah pemaju yang sengaja mendakwa kuota bumiputera telah habis dijual untuk mengelak pemberian diskau tujuh peratus.

"Banyak tempat yang saya terima aduan menyatakan apabila pembeli nak kuota bumiputera, pada hakikatnya masih ada," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Isnin, 23 Mei 2016

17. CUEPACS : Jawatan kosong perlu diisi segera

Penjawat awam mengadu beban kerja semakin bertambah

KUCHING 22 Mei - Kerajaan dimohon untuk mengisikan segera kekosongan penjawat awam yang telah bersara, meninggal dunia atau meletak jawatan yang dilihat tiada pengambilan dilakukan ketika ini.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Aziz Muda berkata, pengisian tersebut diperlukan ekoran kekurangan kakitangan yang menyebabkan banyak aduan diterima memaklumkan bebanan kerja penjawat awam semakin bertambah.

Katanya, kekosongan itu lambat diisi kerajaan menyebabkan sistem penyampaian kerajaan untuk rakyat agak tergenda.

"Maka, CUEPACS memohon agar kerajaan melihat secara serius dan membuat pengambilan baharu untuk mengisi kekosongan ini.

"Ada penjawat awam terpaksa membuat kerja untuk dua hingga tiga orang sehingga bertambah bebanan mereka, menyebabkan penyampaian tidak berada pada tahap 100 peratus.

"Seperti dimaklumkan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa dianggarkan 21,000 hingga 25,000 pekerja dalam setahun kekosongan yang perlu diisi, bagaimanapun kami lihat perkara itu tidak berlaku, tiada usaha pengambilan dijalankan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tritahunan CUEPACS Negeri Sarawak di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengurus CUEPACS negeri, Ahmad Malie dan Setiausaha CUEPACS negeri, Omar Bahrein Unin.

Semalam, Azih turut meminta kerajaan menubuhkan jawatankuasa bagi mengkaji semua elaun kakitangan awam yang antaranya sudah berbelas tahun tidak pernah disemak.

Mengulas lanjut, Azih berkata, semua agensi terkesan contohnya di bawah Kementerian Kesihatan, Kesatuan Jururawat Malaysia memaklumkan mereka terpaksa membuat dua hingga tiga kerja ditambah dengan pesakit yang banyak.

"Pengisian kekosongan jawatan ini juga dilihat tidak akan memberi tekanan kepada kerajaan dengan keadaan ekonomi yang semakin baik.

"Oleh itu, kerajaan diminta menimbang secara serius pembekuan pengambilan penjawat awam," ujarnya.



Isnin, 23 Mei 2016

18. Jadikan dokumen tatapan umum

PUTRAJAYA 22 Mei - Pengarah Komunikasi Strategik Barisan Nasional, Datuk Abdul Rahman Dahlan mencadangkan Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Pulau Pinang dijadikan sebagai dokumen bagi tatapan umum.

Dalam kenyataan hari ini, beliau berkata, ini susulan perbincangan hangat dalam sidang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang minggu lalu telah mendedahkan bahawa laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri itu telah dua kali ditangguhkan.

"Ini membuktikan bahawa jawapan yang benar masih tidak lengkap," katanya.

Dalam pada itu, beliau menghargai jemputan kerajaan DAP Pulau Pinang bagi beliau melihat sendiri dokumen projek tiga jalan utama dan terowong dasar laut di negeri itu pada 12 Mei lalu.

Abdul Rahman yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagaimanapun menolak jemputan tersebut kerana baginya dalam keadaan ini ia tidak memberi banyak kelebihan.

"Sedikit sahaja matlamat akan tercapai apabila kertas ini ditunjukkan kepada saya sahaja, katanya.

Beliau berkata, kerajaan Pulau Pinang sepatutnya menawarkan tawaran yang sama kepada yang lain terutamanya mereka yang berada di Pulau Pinang.

Abdul Rahman berkata, antara pihak tersebut adalah Pusat Memerangi Rasuah dan Kronisme (C4) serta pertubuhan bukan kerajaan yang bertapak di Pulau Pinang iaitu Penang Citizen Awareness Chant Group dan Persatuan Pengguna Pulau Pinang.

"Sekurang-kurangnya dua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) DAP Pulau Pinang dan lima ADUN Parti Keadilan Rakyat (PKR) juga telah menimbulkan persoalan mengenai projek terowong ini.

"Setakat ini, tiada seorang pun daripada mereka telah menerima jawapan yang memuaskan," kata Abdul Rahman. - BERNAMA



Selasa, 24 Mei 2016

19. Enam jawatankuasa siasatan khas ditubuh siasat empat kementerian

PUTRAJAYA 24 Mei - Enam jawatankuasa siasatan khas telah ditubuhkan oleh kerajaan bagi menyiasat 10 teguran punitif seperti yang terkandung dalam Laporan Ketua Audit Negara pada 18 Mei lalu.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ali Hamsa berkata, siasatan tersebut melibatkan empat kementerian iaitu Kementerian Kerja Raya, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

"Terdapat 751 teguran iaitu 708 daripadanya merupakan teguran penambahbaikan manakala bakinya adalah teguran punitif.

"Siasatan ini bertujuan untuk memperoleh keterangan yang relevan dari aspek kesaksian dan keterlibatan pegawai dalam kes-kes yang dilaporkan.

"Sekiranya ada bukti, pegawai berkenaan akan dikenakan tindakan tatatertib, surcaj atau pertuduhan mahkamah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Sesi Bersama Media Susulan Laporan Ketua Audit Negara 2015 Siri 1 di sini hari ini. - UTUSAN ONLINE



Rabu, 25 Mei 2016

20. Enam jawatankuasa siasat empat kementerian

PUTRAJAYA 24 Mei - Kerajaan telah menubuhkan enam jawatankuasa siasatan khas bagi menyiasat 10 teguran punitif dalam Laporan Ketua Audit Negara 2015 Siri 1 yang dikeluarkan pada 18 Mei lalu.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa berkata, siasatan tersebut melibatkan empat kementerian iaitu Kementerian Kerja Raya, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dalam laporan berkenaan, kata beliau, terdapat 751 teguran membabitkan 708 teguran penambahaikan, sementara selebihnya merupakan teguran punitif.

"Siasatan ini bertujuan memperoleh keterangan relevan daripada aspek kesaksian dan keterlibatan pegawai dalam kes-kes yang dilaporkan.

"Sekiranya mempunyai asas kukuh bahawa pegawai didapati melakukan salah laku atau kecuaian, maka tindakan tatatertib, surcaj atau pertuduhan jenayah di mahkamah akan dikenakan terhadap pegawai," katanya ketika berucap dalam Sesi Bersama Media Susulan Laporan Ketua Audit Negara 2015 Siri 1, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah.

Dalam pada itu, Ali memberitahu, berdasarkan siasatan tersebut, dua teguran melibatkan pengurusan perolehan dan perkhidmatan di Jabatan Pertahanan Awam di bawah Jabatan Perdana Menteri dan pelaksanaan Sistem Imigresen Malaysia (myIMMs) di bawah Kementerian Dalam Negeri mempunyai asas untuk dimulakan prosiding tatatertib melibatkan enam pegawai.

Sementara itu, jelas beliau, lapan teguran didapati tiada unsur penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaian pelaksanaan tugas tetapi sebaliknya memerlukan penambahaikan sistem, prosedur dan peraturan semasa.

Selain empat kementerian tersebut, tambahnya, sebanyak 33 teguran punitif turut dilakukan melibatkan dua Badan Berkanun Persekutuan, tujuh kerajaan negeri dan dua syarikat persekutuan.



Khamis, 26 Mei 2016

21. Pindah asset 1MDB selesai pertengahan Jun

KUALA LUMPUR 25 Mei - Proses pemindahan aset syarikat pelaburan strategik kerajaan, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) ke Kementerian Kewangan Diperbadankan (MKD) dijangka selesai pada pertengahan bulan depan.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Johari Abdul Ghani berkata, 1MDB tidak akan ditutup, sebaliknya menjadi sebuah syarikat pasif yang tidak lagi menjalankan aktiviti perniagaan.

Ini kerana, kata beliau, syarikat itu masih menanggung pengeluaran bon yang tidak boleh dipindah milik kepada syarikat lain.

"1MDB juga sudah tidak dibenarkan membuat pinjaman daripada mana-mana individu atau institusi kewangan sepanjang proses rasionalisasi ini dijalankan.

"Kita berharap nilai aset 1MDB yang dipindahkan ke MKD pada masa akan datang meningkat, sekali gus dapat digunakan untuk membayar hutang atau faedah bon yang diterbitkannya," katanya ketika ditemui di lobi Parlimen hari ini.

Sementara itu ketika menjawab soalan tambahan **Datuk Ahmad Hamzah (BN-Jasin)** mengenai implikasi penutupan operasi BSI Bank Limited di Singapura terhadap 1MDB, Johari menjelaskan, ia tidak akan memberi kesan langsung kepada 1MDB malah tidak menjejaskan aset dan operasi syarikat tersebut.

Dalam pada itu, katanya, pelan rasionalisasi yang dilaksanakan terhadap syarikat tersebut bertujuan menyelesaikan hutangnya yang berskala besar.

Khamis, 26 Mei 2016

22. Sijil Bersih bukti tahap integriti Tabung Haji tinggi

KANGAR 25 Mei - Pengeluaran Sijil Bersih iaitu tanpa teguran atau boleh dibimbangkan oleh Jabatan Audit Negara terhadap Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) membuktikan bahawa segala tuduhan dilemparkan terhadap institusi itu sebelum ini adalah tidak berasas.

Ketua Pegawai Operasinya, Datuk Adi Azuan Abdul Ghani berkata, pelbagai tohmahan itu antaranya seperti Tabung Haji bakal mengalami kerugian dan wang pendeposit akan turut hilang ternyata tidak benar.

Kata beliau, sebaliknya Tabung Haji terus mencatat keuntungan paling tinggi dalam sejarah penubuhannya dengan memberi bonus simpanan sebanyak lima peratus dan bonus haji, tiga peratus untuk 2015.

"Tabung Haji akan terus fokus pada objektif penubuhannya iaitu membantu rakyat negara ini menunaikan haji. Ini termasuk dengan pengenalan bonus haji sejak beberapa tahun lalu.

"Bonus haji ini bertujuan membantu menambah simpanan kepada seramai 7.7 juta pendeposit yang belum menunaikan ibadat itu dari kalangan kurang berkemampuan," katanya dalam sidang akhbar sempena Majlis Sumbangan Zakat Program Ihsan Tabung Haji 2016 Peringkat Negeri di sini, hari ini.

Sempena majlis itu, seramai 86 golongan asnaf di negeri ini menerima wang tunai sebanyak RM500 setiap seorang sebagai persiapan untuk mereka menghadapi Ramadan dan Syawal tidak lama lagi.

Secara keseluruhan, seramai 4,400 orang di seluruh negara akan menerima bantuan itu yang melibatkan peruntukan sebanyak RM2.2 juta dengan majlis penyerahan pertama diadakan di negeri ini.

Dalam pada itu, Adi Azuan memberitahu, Tabung Haji bersedia menerima semula kira-kira 3,000 pendeposit yang mengeluarkan simpanan mereka sebelum ini ekoran terpedaya dengan tohmahan terhadap institusi tersebut.

"Kita terima untuk buka akaun dalam Tabung Haji tetapi mereka perlu memasuki senarai menunggu 82 tahun kerana pendaftaran haji sebelum ini telah terbatas.

"Mungkin ada yang tinggal 20 tahun atau 40 tahun lagi untuk menunaikan haji tetapi Tabung Haji menggunakan pendekatan 'siapa cepat akan didahulukan'," katanya.

Beliau seterusnya memberitahu, sehingga kini keyakinan umat Islam terhadap Tabung Haji tidak terjejas kerana bilangan mereka yang mengeluarkan simpanan itu kecil berbanding keseluruhan pendeposit iaitu 8.8 juta orang.

Khamis, 26 Mei 2016

23. Dua wanita antara 23 penjawat awam ditahan SPRM Perlis

KANGAR, 26 Mei - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan 23 penjawat awam termasuk dua wanita kerana membuat tuntutan palsu sepanjang 2015, dalam operasi yang dijalankan pada 24 dan 25 Mei lepas.

Pengarah SPRM Perlis, Yaacop Angah berkata, mereka yang ditahan di negeri ini terdiri daripada pelbagai agensi dan kumpulan jawatan.

"Siasatan mendapati mereka telah membeli resit dari hotel bujet di sekitar Kuala Lumpur dengan harga RM10, kemudian membuat tuntutan di pejabat masing-masing dengan harga antara RM160 dan RM220 (mengikut kadar kelayakan gred masing-masing)," katanya dalam kenyataan dikeluarkan di sini hari ini.

Menurutnya, ada juga antara mereka yang membuat tuntutan palsu berkenaan secara kerap iaitu sebanyak 10 kali dalam tempoh setahun dengan jumlah tuntutan individu yang mencecah RM9,850.

Jumlah keseluruhan tuntutan bagi semua kes berkenaan ialah sebanyak RM37,180 dan SPRM percaya masih terdapat kegiatan sama yang dilakukan dalam kalangan penjawat awam lain memandangkan hanya dua hotel sahaja yang telah diperiksa setakat ini.

Kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 (Akta 694), katanya.

Menurut Yaacop, hasil siasatan akan dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya (TPR) dalam masa terdekat dan kesemua mereka dilepaskan dengan jaminan SPRM sementara menunggu arahan selanjutnya daripada TPR.-BERNAMA

Khamis, 26 Mei 2016

24. 100 orang disiasat - Ahmad Zahid Sabotaj Sistem Imigresen Malaysia

PUTRAJAYA 26 Mei - Kira-kira 100 orang merangkumi pegawai-pegawai Imigresen peringkat pertengahan ke bawah dan anggota-anggota sindiket disiasat oleh pihak berkuasa kerana disyaki melakukan sabotaj terhadap Sistem Imigresen Malaysia (myIMMs).

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, sebahagian daripada suspek-suspek berkenaan telah pun ditahan dan proses siasatan di bawah Polis Diraja Malaysia (PDRM) masih berjalan.

Beliau memberitahu, siasatan setakat ini mendapati ada pegawai-pegawai imigresen yang bersuhabat dengan sindiket selama enam bulan dan ada juga yang telah melakukannya selama dua tahun.

Katanya lagi, mereka yang disiasat adalah pegawai-pegawai yang telah berkhidmat antara satu hingga lima tahun.

"Tindakan yang kita akan lakukan (terhadap pegawai-pegawai yang melakukan sabotaj) bukan hanya tindakan disiplin dalam tetapi kita akan juga heret mereka ke mahkamah untuk tindakan perundangan, kita tidak akan pernah berkompromi dengan mereka yang terlibat melakukan sabotaj," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan majlis penyerahan Biasiswa Yang di-Pertuan Agong kepada 10 orang penerima di pejabatnya di Perdana Putra di sini hari ini.

Utusan Malaysia pada awal bulan ini mendedahkan wujudnya sindiket pemalsuan pasport dan pemerdagangan manusia di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan klia2 ekoran penahanan dua pegawai imigresen bersama 17 individu lain di sekitar Lembah Klang.

Ekoran itu, Kementerian Dalam Negeri (KDN) bertindak melaksanakan pusingan kerja terhadap sebilangan pegawai imigresen di pintu-pintu masuk negara selain melakukan proses pertukaran pegawai berikutan kelemahan-kelemahan myIMMs yang dikesan.

Menurut Ahmad Zahid, siasatan dan risikan terhadap kelemahan pintu masuk negara di KLIA telah dilakukan selama tiga bulan sebelum ini oleh Cawangan Khas PDRM dan Bahagian Risikan Jabatan Imigresen.

"Kami telah mengesan ada sindiket yang menggunakan mereka (pegawai-pegawai imigresen) untuk mengaut keuntungan dengan menjalankan aktiviti pembolosan dengan menggunakan beberapa tindakan teknikal serta membocorkan data termasuk menyalah guna nombor kod tertentu," katanya.

Jelasnya, selain warga tempatan, sindiket berkenaan turut dianggotai seorang warga asing dan pembayaran kepada pegawai-pegawai imigresen yang bersekongkol dibuat secara tunai serta melalui pemindahan ke dalam akaun bank.

Beliau memberitahu, siasatan lanjut mendapati pihak pembekal sistem myIMMs tidak terlibat dalam sindiket sabotaj itu namun pihak tersebut diminta menaik taraf sistem berkenaan.

"Masalah sistem (myIMMs) oleh pihak pembekal, pada hemat saya, telah digodam dan dilemahkan dan ini saya akan berbincang dengan pihak pembekal untuk pengemaskinian dan penambahbaikan dilakukan," katanya.

Beliau memberitahu, siasatan setakat ini tertumpu kepada KLIA, namun akan turut diperluaskan ke pintu-pintu masuk negara yang lain.

Katanya, KDN juga memperketatkan pengambilan kakitangan baharu untuk mana-mana jabatan dan agensi di bawah kementerian itu dengan menekankan aspek integriti.



Selasa, 31 Mei 2016

25. Kutipan zakat RM250j

Yakin dapat capai ekoran kesedaran umat Islam di Johor

JOHOR BAHRU 30 Mei - Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) menyasarkan peningkatan kutipan zakat RM11 juta pada tahun ini iaitu dengan jumlah keseluruhan RM250 juta berbanding RM239 juta tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif MAINJ, Mohd. Rofiki Shamsudin berkata, sasaran itu yakin dicapai berikutan kesedaran umat Islam, syarikat atau korporat milik orang Islam semakin tinggi selepas banyak program penerangan dilakukan pihaknya.

"Pembayar zakat fitrah juga meningkat dua peratus tahun ini sekali gus akan menjadikan dua juta pembayar zakat fitrah di negeri ini pada 2016 berbanding 1.9 juta pembayar zakat fitrah pada 2015 yang menyumbangkan RM15 juta.

"Selain itu, kita melantik 125 amil agihan zakat di setiap mukim bagi memastikan agihan zakat dapat dilaksanakan dengan berkesan supaya tidak ada golongan atau asnaf yang tercicir daripada mendapat bantuan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas melancarkan majlis Hebahan Agihan Zakat Melalui Pengangkutan Awam di pekarangan Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada, di sini hari ini.

Mohd. Rofiki turut menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Handal Ceria Sdn. Bhd. yang diwakili Pengurus Besarnya, Mohammad Ramli Mohammad Saad untuk iklan pemberitahuan agihan zakat di badan tiga bas milik syarikat itu.

Dalam perkembangan lain, beliau memberitahu, kadar bayaran zakat fitrah bagi negeri ini sempena Ramadan kali ini ialah RM6 bagi mereka yang makan beras hancur dan RM8 untuk yang makan selain daripada beras hancur.

Sementara itu, beliau berkata, MAINJ menerima 700 kes memohon sumbangan setakat ini dalam tahun ini dan pelbagai bantuan sudah diberikan antaranya kepada golongan cacat dan ibu tunggal selain baik pulih dan bina rumah baharu.

Jelasnya, MAINJ turut memberi bantuan kepada asnaf dan golongan lain yang memerlukan termasuk penghidap sakit kronik supaya nasib umat Islam terbela terutama apabila membabitkan kos rawatan tinggi.

Mengenai hebahan zakat menerusi pendekatan itu, beliau berkata, akan bermula pada 1 Jun ini yang akan mengambil masa selama setahun dengan mempromosikan dan memberitahu orang ramai agihan zakat yang telah dilakukan pihak MAINJ.

Katanya, bas-bas itu akan menempuh tiga laluan bermula dari bandar raya ini dan berakhir di Taman Setia Indah dengan singgah di 15 perhentian selain berakhir di Taman Kota Puteri (23 perhentian) dan Kota Tinggi (25 perhentian).